

21/08/1997

JKMJ mesyuarat sekali seminggu

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan mengarahkan Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Jerebu (JKMJ) bermesyuarat seminggu sekali mulai April tahun depan, bagi mencari jalan mengatasi masalah ancaman jerebu terhadap Sukan Komanwel 1998.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata JKMJ yang ketika ini mengadakan mesyuaratnya ketika musim berjerebu iaitu antara Julai dan Oktober, turut diarah mengadakan mesyuarat bulanan.

Menurutnya, pelan tindakan jangka pendek yang diluluskan oleh Kabinet pagi ini turut mengambil kira kesan jerebu terhadap temasya sukan kedua terbesar di dunia itu.

"Sehubungan itu, semua langkah jangka pendek dan strategi jangka panjang perlu dilaksanakan segera untuk memastikan tiada gangguan terhadap Sukan Komanwel.

"Kita juga akan menjemput Sukom 98 menjadi anggota jawatankuasa berkenaan untuk mendapatkan pandangan mereka," katanya.

Laporan khas Berita Harian Isnin lalu menyebut, kira-kira 6,000 atlit dari seluruh dunia mungkin bersaing di Sukan Komanwel September tahun depan dalam keadaan cuaca berjerebu jika langkah mengurangkan kesan jerebu termasuk pencemaran, tidak diambil mulai sekarang.

Berasaskan kepada Indeks Pencemaran Udara (IPU) dalam tempoh Mei hingga September sejak tiga tahun lalu, angin kering monsun barat daya yang bergabung dengan pencemaran udara, sering menyebabkan keadaan berjerebu yang buruk terutama di ibu negara. Indeks IPU bagi tempoh itu menunjukkan jerebu di Lembah Klang berada pada tahap tidak sihat iaitu melebihi 100.

Indeks IPU pada September 1994, mencatat keadaan terburuk iaitu 193.7 dan keadaan agak baik pada bulan yang sama 1995 iaitu 112.2. Menurut IPU, tahap 0-50 adalah baik, 51-100 (sederhana), 101-200 (tidak sihat), 201-300 (sangat tidak sihat) dan 301-500 (berbahaya).

JKMJ dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud dan dianggotai semua agensi kerajaan yang terbabit dengan penguatkuasaan dan pengawasan pencemaran udara.

Law berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mencadangkan penggunaan teknologi cloud seeding untuk membuat hujan, bagi mengatasi masalah kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan.

Menurutnya, penggunaan konsep itu mungkin boleh menjadi sokongan kepada langkah mendapatkan pengebom air bagi mengatasi kebakaran hutan di Indonesia.

"Kita sedang mengkaji kemungkinan menggunakan konsep berkenaan," katanya.

(END)